

Pesawah terus dihipit lonjakan ketara kos operasi

Kuala Lumpur: Peningkatan kos operasi memberi kesan besar kepada pesawah yang mengusahakan bendang dalam skala kecil dan sederhana dengan margin keuntungan tipis.

Ketua Jabatan Pengurusan Tanah, Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Madya Dr Christopher Teh Boon Sung, berkata kos operasi atau perkhidmatan dalam industri penanaman padi negara ketika ini meningkat sehingga 55 peratus.

Menjelaskan demikian kepada *BH* semalam, beliau berkata, ia berikutan lonjakan harga baja, bahan api serta peralatan pertanian, sekali gus memberi tekanan kepada petani kecil dan sederhana.

“Kenaikan mendadak itu ber-

punca daripada beberapa faktor utama, termasuk peningkatan harga baja yang mencatat kenaikan 70 peratus dalam tempoh dua tahun terakhir.

“Kenaikan harga diesel turut memberi kesan besar kepada kos operasi mesin pertanian. Inflasi juga mengakibatkan harga komponen dan alat ganti seperti enjin import dari Jepun meningkat.

“Perbezaan kos antara kawasan dan kekurangan tenaga kerja mahir menyumbang kepada peningkatan kadar upah, manakala perubahan iklim memaksa petani melabur dalam strategi adaptasi seperti sistem pengairan baharu yang turut meningkatkan kos pengeluaran,” katanya.

Peningkatan kos, katanya, bo-

leh menyebabkan pengurangan keuntungan serta menyekat keupayaan petani untuk melabur dalam teknologi baharu dan jika berterusan tanpa intervensi kerajaan, harga jualan beras juga berisiko meningkat.

“Ini akan menekan pengguna akhir serta menggugat kestabilan pasaran,” katanya menambah tanpa langkah proaktif, ramai petani mungkin terpaksa beralih kepada tanaman alternatif atau terjerumus dalam kitaran hutang akibat kos operasi tinggi.

Dalam jangka pendek, katanya, kerajaan disyor memperkenalkan subsidi diesel khusus kepada pengusaha padi melalui sistem *fleet card* seperti di Thailand, se-

lain melaksanakan kawalan harga input.

“Kawalan harga input amat penting. Contohnya, menetapkan harga maksimum benih kepada RM35 setiap beg dan menetapkan had harga baja seperti Program Kawalan Harga Baja yang dilaksanakan Indonesia,” katanya.

Untuk jangka panjang, beliau menekankan kepentingan penggunaan teknologi mekanisasi berteknologi tinggi, termasuk penggunaan dron dalam proses penaburan baja.

“Penggunaan dron bukan sahaja menjimatkan kos, tetapi juga meningkatkan kecekapan baja dengan mengurangkan pembaziran. Selain itu, penubuhan koperasi petani dapat memudah-

kan pembelian mesin secara pukal, seperti model yang berjaya di Vietnam,” katanya.

Menurutnya, kos mekanisasi pertanian di Malaysia lebih tinggi berbanding Thailand dan Vietnam kerana skala pengeluaran lebih kecil serta kebergantungan tinggi terhadap peralatan import.

“Thailand dan Vietnam berjaya mengurangkan kos mekanisasi menerusi dasar sokongan kerajaan menyeluruh, termasuk insentif cukai dan latihan meningkatkan kemahiran operator.

“Malaysia perlu menyesuaikan dasar serta melaksanakan program komprehensif bagi mengurangkan kos mekanisasi dan meningkatkan daya saing sektor pertanian,” katanya.